

30 APR 1996

Mahathir-Pekerja

SUMBANGAN DAN KEBIJAKSANAAN PEKERJA, JAMIN IKLIM PELABURAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini golongan pekerja bukan sahaja telah menyumbangkan tenaga ke arah memajukan negara ini bahkan kebijaksanaan mereka menjaga iklim perusahaan membolehkan pelaburan terus meningkat.

"Dengan ini peluang bekerja bertambah sehingga bilangan pekerja tidak mencukupi untuk permintaan pasaran pekerja dan oleh sebab ini majikan terpaksa menawar upah yang lebih tinggi," kata Perdana Menteri dalam perutusannya sempena Hari Pekerja esok.

Sebaliknya jika iklim perusahaan meleset dan tidak aman, pelaburan akan terhalang, peluang pekerja tidak akan bertambah dan upah tidak akan meningkat, katanya.

"Lebih daripada itu ramai yang akan menganggur," katanya.

Sebenarnya di negara-negara maju, kata beliau, ramai pekerja menganggur oleh kerana yang masih bekerja tidak sanggup menerima upahan yang berkurangan, kos mereka tetap tinggi dan barangan mereka tidak dapat bersaing dengan barangan keluaran negara ini.

Dr Mahathir berkata, sebagai sebuah negara membangun, Malaysia tidak mempunyai banyak kelebihan selain daripada kos sara hidup dan upah yang rendah.

Negara maju mempunyai banyak kelebihan termasuk pemilihan modal yang banyak dan teknologi yang tinggi, industri sokongan yang menyeluruh, pasaran tempatan yang kaya yang dapat membantu keluaran tempatan, pengetahuan dan rangkaian pasaran yang meliputi dunia, pengurusan yang berpengalaman dan berbagai-bagai lagi, katanya.

Pada masa yang sama, kata beliau, Malaysia terpaksa membeli teknologi dari negara-negara maju menyebabkan kos barangan industri Malaysia terus meningkat.

"Sekarang negara-negara maju menyatakan bahawa mereka akan menghalang kemasukan barangan kita ke dalam pasaran mereka jika mereka tidak puas hati dengan demokrasi kita, atau pembelaan hak asasi oleh kita, atau pengawalan alam sekeliling kita," kata Perdana Menteri.

Negara-negara maju telahpun menyekat kemasukan kayu tropika kerana kononnya industri balak negara ini mengancam pemeliharaan alam sekeliling, katanya.

"Tujuan sebenarnya ialah mereka ingin melindungi industri balak mereka dan industri-industri lain mereka," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata biasanya segala tindakan oleh negara maju akan menyebabkan ekonomi negara ini merosot atau tidak dapat tumbuh.

"Jika industri kita tidak tumbuh maka ramai pekerja akan menganggur dan yang bekerja tidak akan menikmati upah yang bertambah," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihati kaum pekerja supaya berhati-hati apabila kesatuan pekerja negara-negara maju menunjukkan simpati kepada nasib pekerja negara ini.

"Dahulu semasa kita tidak mengeluarkan barangan yang bersaing dengan barangan mereka, tiada simpati yang ditunjukkan oleh mereka.

"Hari ini mereka tiba-tiba menunjukkan simpati dan persaudaraan kaum pekerja. Kita perlu berhati-hati kerana mungkin ada udang di sebalik batu," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, di negara ini kerajaan ingin meningkatkan pendapatan pekerja bukan dari segi jumlah wang tetapi juga dari segi daya membeli.

Perdana Menteri berkata, kenaikan upah tidak harus disusuli dengan

kenaikan kos sara hidup dan ia juga tidak harus menyebabkan barangan keluaran negara ini kehilangan daya saingan di pasaran dunia.

"Insya-Allah jika kita dapat menjaga dua perkara ini, para pekerja akan betul-betul dapat mengecap nikmat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa perjuangan kaum pekerja negara ini sudah banyak berjaya.

Di Malaysia, katanya, taraf hidup pekerja meningkat sepanjang masa, sebahagiannya melalui desakan oleh kesatuan dan sebahagian lagi disebabkan kemajuan yang dicapai oleh negara ini.

-- BERNAMA

SJA AHH